

05 JAN 2001

Hamid-Letak Jawatan

HAMID OTHMAN LETAK JAWATAN DARI KABINET

PUTRAJAYA, 5 Jan (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Haji Abdul Hamid Othman telah menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini, beliau berkata: "Surat peletakan jawatan itu saya serahkan kepada Dr Mahathir sebelum Perdana Menteri berlepas untuk lawatan kerja ke Myanmar pada Rabu lepas."

Abdul Hamid berkata beliau mengambil keputusan itu bagi membolehkan Perdana Menteri melantik orang baru melaksanakan pembangunan pentadbiran dan pengurusan serta penyebaran agama Islam yang tumpuannya ialah pada fardu ain.

Abdul Hamid dilantik sebagai Senator untuk membolehkannya menganggotai semula Kabinet selepas tewas pada pilihan raya umum 29 Nov 1999.

Pada pilihan raya itu, beliau gagal mempertahankan kerusi Parlimen Sik selepas ditewaskan calon Pas, Prof Datuk Shahnnon Ahmad. Hamid memperolehi 13,026 undi manakala Shahnnon mendapat 13,504 undi.

Semalam Abdul Hamid membayangkan kepada anggota jawatankuasa Umno bahagian Sik, yang diketuainya, bahawa beliau antara menteri yang akan terlibat dalam rombakan kabinet tidak lama lagi.

Rombakan kabinet itu dijangka akan diumumkan selepas Dr Mahathir kembali dari lawatan ke Myanmar, Selasa depan.

"Saya mengambil keputusan ini dengan rela hati setelah berunding dengan pucuk pimpinan dan berfikir panjang tentang politik negara terutamanya di kalangan umat Islam," kata Abdul Hamid.

Beliau berkata beliau ingin menumpukan kepada kerja fardu kifayah selepas ini.

Abdul Hamid berkata, tugasnya selama ini ialah bagi mentadbir hal ehwal Islam di peringkat pusat yang terbahagi kepada dua komponen utama iaitu pembangunan pentadbiran dan pengurusan serta penyebaran agama Islam yang tumpuannya kepada Fardu Ain, serta yang kedua, merupakan tanggungjawab terhadap kekuatan dan keutuhan umat Islam di negara ini ataupun Fardu Kifayah.

"Komponen pertama difahami dan dihayati oleh umat Islam dengan cara yang cukup sehati. Tetapi komponen kedua tidak difahami sepenuhnya, malah jauh sekali untuk dihayati," katanya.

Malah, katanya, kurang fahaman di kalangan umat Islam tentang ibadah itu juga banyak menyebabkan kerja pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan dan pucuk pimpinan tidak diterima dan diiktiraf sebagai kerja ibadah.

"Inilah yang perlu diperbetulkan. Hal ehwal pentadbiran dan pengurusan perlu diasingkan daripada hal ehwal membetulkan aliran pemikiran rakyat. Sebab itu saya rasa kita perlu dua orang untuk melaksanakan tugas-tugas ini," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan kekal sebagai penasihat kepada kerajaan terutama dalam pengurusan Fardu Kifayah itu, beliau berkata, itu terpulanglah kepada Perdana Menteri.

"Bidang tugas itu telah ada, cuma dalam kapasiti apa, itu belum dipastikan lagi," katanya.

Abdul Hamid berkata, walaupun telah meletakkan jawatan dalam kerajaan, beliau akan kekal sebagai anggota Majlis Tertinggi Umno serta sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kedah.

Katanya, beliau juga akan menggunakan kedudukannya dalam Biro Agama Umno bagi meneruskan perjuangan memulihkan kefahaman umat Islam di negara

ini mengenai ibadah Fardu Kifayah.

Ditanya sama ada beliau bersetuju supaya Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Brig-Jen (B) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin mengambil alih portfolionya di jabatan itu, Abdul Hamid berkata: "Itu terpulanglah kepada pucuk pimpinan."

Abdul Hamid yang turut ditanya mengenai antara sebab lain yang memungkinkannya mengambil keputusan itu berkata, beliau tidak menerima apa-apa gesaan daripada mana-mana pihak untuk berbuat demikian.

Beliau turut menolak alasan kesihatan sebagai faktor peletakan jawatannya itu.

"Tahap kesihatan saya memang sederhana sejak dulu lagi. Cuma kalau kerja berat sikit, kenalah berehat lebih sikit," katanya.

Yang turut hadir pada sidang media itu ialah Brig-Jen Abdul Hamid, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam (Ikim) Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Ketua Pengarah Tabung Haji Datuk Dr Badroddin Kassim.

-- BERNAMA
NHA AHH MAI